

PM akan teruskan BR1M sekiranya pendapatan negara meningkat
The Malaysian Insider
13 Mac , 2012
Oleh Shannon Teoh

KUALA LUMPUR, 13 Mac — Putrajaya akan mempertimbangkan pemberian wang tunai untuk golongan berpendapatan rendah sekiranya pendapatan kerajaan meningkat tahun ini, kata Datuk Seri Najib Razak di Parlimen hari ini.

Perdana Menteri (gambar) telah mengumumkan pemberian wang tunai berjumlah RM500 untuk isi rumah berpendapatan kurang RM3,000 sebulan ketika pembentangan Belanjawan 2012 Oktober lalu, berkata ianya akan mengurangkan beban kenaikan kos harga barang. Pemberian wang tunai tersebut kepada hampir 5.3 juta isi rumah telah menelan kos RM2 bilion.

"Kita tidak akan menolak sekiranya pendapatan kerajaan meningkat," katanya menjawab soalan berkenaan Bantuan Rakyat 1 Malaysia. "Kita boleh pertimbangkan perkara itu mengikut keadaan."

Kaji selidik yang dibuat Febuari lalu, setelah BR1M selesai diedarkan mendapati reputasi Perdana Menteri telah melonjak 10 peratus kepada 69 peratus, dengan hampir tiga suku isi rumah berpendapatan rendah kurang daripada RM1,500 amat menyokong beliau.

Pemberian tersebut diberikan apabila Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Rakyat (PR) bersedia untuk menghadapi pilihan raya yang mesti diadakan awal 2013.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pm-akan-teruskan-br1m-sekiranya-pendapatan-negara-meningkat/>